

UMS tawar 5,068 tempat baharu

02 09.09.2012 3

KOTA KINABALU: Sebanyak 5,068 tempat ditawarkan kepada pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang bagi sesi akademik 2012/2013.

Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata ini menunjukkan peningkatan sembilan peratus berbanding jumlah tempat yang ditawarkan tahun lepas iaitu seramai 4,606 orang.

"Setakat petang semalam, seramai 4,140 pelajar sudah mendaftar. Tahun ini kita mulakan sistem pendaftaran secara online dan ternyata ia satu peningkatan yang baik dalam pengurusan pendaftaran pelajar universiti ini.

"Kita memahami masalah pelajar terutama yang tinggal di kawasan luar bandar yang tidak dapat melayari internet, oleh itu kita beri

tempoh satu atau dua minggu kepada mereka untuk mendaftar," katanya kepada pemberita di Kolej Kediaman UMS di Likas, dekat sini pada Sabtu.

Mohd Harun berkata 55 peratus daripada pelajar yang memohon adalah aliran sastera manakala selebihnya bidang Sains.

"Matlamat kita ialah untuk meningkatkan jumlah pelajar aliran Sains sehingga melebihi 50 peratus. Ini cabaran pada masa akan datang tetapi saya percaya usaha ini akan tercapai dengan tertubuhnya Pusat Asasi Sains," katanya.

Beliau berkata empat peratus atau 180 pemohon adalah pelajar antarabangsa yang bakal mengikuti program prasiswazah di Sekolah Pengajian Ekonomi dan Sekolah Perniagaan Antarabangsa Labuan. - Bernama